

Universiti mematangkan pelajar

Program Induksi Siswa beri peluang sesuaikan dengan keadaan kampus

Oleh Nasuha Badrul Huzaini

bhnews@bharian.com.my

KUANTAN: Universiti gedung ilmu bagi pelajar menambah pengetahuan dan sebagai seorang yang berilmu, mereka perlu mempersiapkan diri agar menjadi lebih matang dan tidak dibayangi sebarang unsur emosi, perkauman mahupun ideologi politik, kata Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Katanya, pihak universiti menyediakan ruang bagi pelajar menyertai pelbagai aktiviti positif yang mampu memberikan nilai tambah dalam diri mereka namun kemudahan itu perlu digunakan dengan berhemah serta tidak melanggar undang-undang yang ditetapkan pihak universiti.

"Masa depan bangsa



DR DAING NASIR (tiga dari kanan) berbual dengan pelajar antarabangsa, Hai Ling, ketika menunggu giliran pemeriksaan H1N1.

dan negara bakal ditentukan oleh anda semua dan sebagai pewaris kepimpinan negara, buatlah keputusan dengan dengan bijak serta hargailah ilmu pengetahuan yang dimiliki," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan amanat sempena Majlis Amanat Naib Canselor dan Lafaz Ikrar yang berlangsung di kampus UMP, Gambang, di sini semalam. Majlis yang dihadiri

seramai 1,760 pelajar baru universiti berkenaan diadakan selepas berakhirnya Program Induksi Siswa (Minds).

Minds yang berlangsung selama seminggu bertujuan memberi pe-

luang kepada pelajar mengenali sesama mereka dan menyesuaikan diri dengan keadaan kampus serta kemudahan yang disediakan pihak universiti.

"Latar belakang yang berbeza tidak harus dijadikan alasan untuk tidak bergaul dengan bangsa lain dan saya berharap interaksi yang terjalin sepanjang Minds dapat membuka minda pelajar untuk lebih menghargai kepelbagaian bangsa dan agama selain mendidik pelajar untuk lebih berdiplomasi dan bukannya konfrontasi sesama mereka," katanya.

Pada majlis sama, bacaan ikrar turut dilakukan sebagai simbolik ikatan janji antara pelajar dan pihak universiti untuk tidak mempersiapkan peluang yang diberikan demi masa depan yang lebih cerah.